

Kelayakan
menginap

- Wanita dan kanak-kanak berusia di bawah 12 tahun dijangkiti HIV yang tiada tempat tinggal.
- Wanita yang kehilangan suami dan kanak-kanak yang kehilangan ibu bapa yang meninggal dunia akibat jangkitan HIV dan tiada tempat tinggal.
- Wanita dan kanak-kanak berusia di bawah 12 tahun yang mana suami atau ibu bapa mereka berada di penjara atau di pusat pemulihan dadah yang tiada tempat tinggal tetap.

Objektif Rumah
Wahidayah

- Memberi kesedaran mengenai HIV/AIDS dan impak pencegahan positif kepada wanita yang hidup dengan virus itu dan terjejas.
- Memberi kesedaran mengenai isu kesihatan reproduktif seksual kepada wanita yang hidup dengan HIV/AIDS dan yang terjejas.

Wahidayah

tempat bergantung

U/M 20/7/12 MS 2.

Membantu golongan wanita yang dijangkiti HIV/AIDS meneruskan kehidupan

Oleh ROSMAH DAIN
Gambar MOHD. NAIM AZIZ

KES-kes wanita yang dijangkiti HIV/AIDS bukan lagi satu isu yang boleh dipandang remeh. Pada tahun lepas, sebanyak 9,494 wanita yang berumur 20 tahun ke atas dilaporkan menghidap AIDS.

Dengan peningkatan jangkitan yang mendadak semenjak sepuluh tahun, iaitu tiga kali ganda sebanyak 1.2 peratus pada tahun 1990, 9.4 peratus pada tahun 2000 dan 18.3 peratus pada tahun 2010, jangkitan yang terbanyak dilaporkan ialah menerusi hubungan seks dengan suami sendiri.

Apabila virus HIV ini semakin menular, pastinya golongan ini seringkali menjadi mangsa keadaan.

Jikalau diketahui mereka dijangkiti virus ini, masyarakat bertindak memulaukan mereka menyebabkan mereka terpaksa dihalau dari rumah kerana ada segelintir ahli keluarga yang tidak mahu bertanggungjawab dengan keadaan wanita yang hidup dengan HIV. Ini menyebabkan keadaan golongan ini terumbang-ambing.

Apa yang menyedihkan sekiranya mereka berstatus ibu tunggal dan mempunyai anak kecil, anak itu terpaksa pula 'diheret' ke sana sini untuk mencari perlindungan apatah lagi dalam keadaan mereka tidak mempunyai sebarang pendapatan tetap.



- Memperkasakan wanita yang hidup dengan HIV/AIDS dan terjejas.
- Memberi kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk menjana pendapatan untuk bekalan keluar dari rumah berkenaan.



NORLELA MOKHTAR

dalam keadaan mereka tidak mempunyai sebarang pendapatan tetap.

Mahu tidak mahu, mereka terpaksa menyembunyikan status penyakit mereka sendiri atas alasan tidak mahu disingkirkan oleh ahli keluarga.

Berdasarkan kemelut yang dihadapi oleh golongan ini, Rumah Wahidayah diwujudkan dalam usaha untuk membantu golongan wanita, ibu tunggal dan anak-anak mereka untuk meneruskan kehidupan.

Pengerusi Persatuan Wahidayah Malaysia (Pewahim), Norlela Mokhtar, 48, berkata, atas

Krisis keluarga yang dihadapi menyebabkan golongan wanita memerlukan tempat tinggal apabila dibuang masyarakat

Bertekad majukan diri

BAGI Along (bukan nama sebenar), 25, kedatangannya ke Rumah Wahidayah beberapa minggu lepas seolah-olah memberikan satu kelegaan kepada dirinya untuk mencari tempat penginapan.

Berasal dari Kuala Selangor, dalam usia yang masih muda pada tahun 2000 dia mendirikan rumah tangga dengan bekas suaminya dan tinggal dalam keadaan melarat di sebuah rumah kecil di Kuala Kangsar, Perak bersama keluarga suami dan mertua.

“Suami saya seorang nelayan dan hasil perkahwinan kami dianugerahkan dengan seorang anak perempuan yang berusia 5 tahun.

“Hasil perhubungan sebelum itu saya telah didiagnos mempunyai virus HIV pada tahun 2007 dan sehingga kini saya tidak tahu sama ada bekas suami saya telah pun menjalani ujian darah untuk menentukan kedudukan statusnya sekarang,” katanya.

Along memberitahu, dia bercerai dengan suaminya kerana suaminya seorang kaki pukul dan menyimpan perempuan lain.

Kerana tidak lagi gagal mengawal perasaan dan tidak mahu hidup dalam keadaan tertekan dia meminta suaminya menceraikannya biarpun pada mulanya bekas suaminya itu enggan berbuat demikian.

Dalam pada itu Along memberitahu sebaik kakinya melangkah keluar dari rumah mertuanya, dia tidak tahu hendak pergi ke mana. Kebetulan dia menyertai bengkel HIV/AIDS di Perak waktu itu dan mengetahui



ALONG gembira berada di Rumah Wahidayah.

mengenai rumah berkenaan.


“Saya pun mengambil keputusan untuk menjadi antara penghuni yang terawal di rumah ini untuk mendapatkan perlindungan.

“Sekurang-kurangnya di sini saya mendapat tempat perlindungan sementara untuk saya dan anak sebelum mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian,” katanya.

Sementara itu Along berkata, dia sejujurnya memerlukan tempat perlindungan yang boleh memberikan dia tempat untuk belajar kemahiran.

“Menjadi insan yang hidup dengan HIV/AIDS sebenarnya bukanlah satu perkara yang boleh menyekat kemahuan saya untuk menjadi insan yang lebih maju pada masa depan.

“Apa yang saya perlukan ialah bimbingan,” katanya telus.



U/M 26/1/12 M3

KEADAAN di dalam Rumah Wahidayah.

dasar untuk membantu golongan ini, Pewahim telah menubuhkan Rumah Wahidayah (wanita HIV yang telah diberikan hidayah) dalam usaha menyediakan penempatan asas dan selamat bagi wanita dan kanak-kanak yang terjejas akibat epidemik HIV.

Ujar Norlela, Pewahim merupakan satu-satunya pertubuhan wanita HIV di negara ini dan baru sahaja didaftarkan



ANTARA bayi-bayi ibu tunggal yang menetap di Rumah Wahidayah.

menyertai Pejabat Pendaftar Pertubuhan

Mendapat motivasi diri

Perusi Pejabat Pendaftaran Pertubuhan pada bulan Mei lalu.

“Krisis keluarga yang dihadapi menyebabkan golongan wanita memerlukan tempat tinggal apabila dibuang masyarakat.

“Malah, Rumah Wahidayah juga merupakan satu tempat yang strategik bagi para pesakit HIV untuk datang mendapatkan bantuan atau menginap sementara selepas mendapatkan rawatan di Hospital Sungai Buloh,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Menurut Norlela, Rumah Wahidayah yang beroperasi 24 jam, tujuh hari seminggu di Bandar Baru Sungai Buloh, Selangor itu memberikan perkhidmatan kepada penghuni secara percuma melalui perkhidmatan kesihatan, keperluan asas dan sokongan yang berterusan.

Tujuan penubuhan Rumah Wahidayah katanya, adalah untuk mengurangkan kesan kemudaratan akibat HIV/AIDS dan menjadi pertubuhan wanita peneraju dalam pengurangan kemudaratan virus itu di negara ini.

“Dalam pada itu, selain menjadi pusat penempatan sementara bagi penghuni rumah berkenaan, ia juga menjadi pusat sokongan rakan, kumpulan sokong bantu dan perhimpunan ketika hari-hari perayaan dan seterusnya bertindak sebagai pusat kemahiran buat penghuni dengan memberikan latihan berbentuk kemahiran seperti menjahit, memasak

dan membuat kraf tangan,” katanya.

Apabila ditanya apakah beza rumah ini daripada rumah-rumah perlindungan untuk penghuni HIV lain, Norlela berkata, seperti rumah WAKE2, di Setapak, Kuala Lumpur yang dibina untuk mangsa HIV yang kebanyakan mangsanya masyarakat gelandangan dan mereka menetap terus di situ.

Begitu juga Rumah Soleha disediakan dengan menyediakan program paliatif kepada mangsa HIV. Namun Rumah Wahidayah lebih berfungsi sebagai penempatan sementara bagi wanita yang tidak terlantar (mampu melakukan kerja) untuk menerima sebarang latihan kemahiran dan kursus-kursus yang ditawarkan selain menguruskan untuk mendapatkan rawatan menepati temu janji di klinik dan hospital.

“Setakat ini terdapat empat penghuni di rumah ini dan kita menganggarkan hanya 20 penghuni wanita dan kanak-kanak akan ditempatkan di rumah ini pada satu-satu masa.

“Selain rumah ini, kita juga mempunyai wakil cawangan di semua negeri,” katanya yang turut memberitahu Rumah Wahidayah masih memerlukan sumbangan berbentuk dana mahupun barangan dalam usaha melengkapkan infrastruktur rumah berkenaan.

Rumah Wahidayah boleh dihubungi di talian 019-2595864 atau 017-3665570.

Mendapat motivasi diri

PERNAH dahulu, Mimi (bukan nama sebenar), 17, hilang pertimbangan dalam hidup. Dia merasakan adalah lebih baik mati daripada menjalani kehidupan yang penuh keperitan sebagai insan yang hidup dengan HIV/AIDS.

“Saya dilahirkan oleh ibu sebagai insan yang mewarisi darah HIV. Sejak umur tiga tahun saya terpaksa memakan ubat untuk memastikan saya terus sihat.

“Kini saya remaja dan saya mula merasakan saya tidak mampu lagi hidup berkeadaan seperti itu,” katanya yang dipelihara oleh keluarga angkat yang amat menyayanginya setelah kematian ibu dan bapanya ketika dia berusia dua bulan.

Tindakannya enggan memakan ubat membimbangkan ahli keluarga angkatnya. Pelbagai usaha telah dijalankan agar Mimi hidup dengan cara positif dan memakan ubatnya semula.

“Seterusnya saya telah dimasukkan ke wad kerana sakit. Di hospital saya telah terjumpa dengan kak Norlela (Pengerusi Pewahim) dan dia memberikan saya motivasi dan mencadangkan agar saya menginap sementara di Rumah Wahidayah



MIMI hampir putus asa dalam hidup.

untuk membantu memberikan ketenangan kepada saya.

“Di sinilah bermula sejarah kehidupan saya berada di sini dan sentiasa diberikan sokongan dan bimbingan kerohanian oleh penghuni lain,” katanya yang memberitahu dia turut dilawati oleh keluarga angkatnya hampir setiap hari.